

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI AHAD, 22 OGOS 2021**

YB TUAN MUHAMAD SAID BIN JONIT (MAHKOTA)

SOALAN 11 (A82)

Apakah perancangan kerajaan negeri untuk membenarkan lebih ramai jemaah di masjid, sebagai contoh membenarkan penerima 2 dos vaksin untuk berjemaah di masjid.

JAWAPAN YB TUAN HAJI TOSRIN BIN JARVANTHI

Kerajaan Negeri melalui Jabatan Agama Islam Negeri Johor sangat mengambil berat soal pengimarahannya masjid dan surau termasuk bilangan jemaah di masjid dan surau. Sehingga 5 Ogos 2021 Negeri Johor mempunyai 836 buah masjid dan lebih dari 1956 buah surau. Bagi memastikan kebajikan dan keselamatan petugas barisan hadapan yang terdiri dari ahli jawatankuasa dan pegawai masjid dan surau terbelas, mereka juga telah menerima suntikan vaksin. Sehingga 28 Julai 2021 jumlah jawatankuasa dan pegawai masjid surau yang telah menerima vaksin adalah sebagaimana berikut:

Johor Bahru	- 85%
Muar	- 70%
Batu Pahat	- 60%
Segamat	- 40%
Kota Tinggi	- 85%
Kluang	- 55%
Pontian	- 75%
Mersing	- 50%
Tangkak	- 95%
Kulai	- 70%.

Jumlah ini akan sentiasa meningkat dari hari ke hari.

Sekiranya kes Covid-19 sudah mula melandai, Jabatan Agama Islam Johor akan menaikkan had Jemaah kepada 100 jemaah dan sekiranya negeri Johor telah mencapai imuniti kelompok, had bilangan Jemaah akan adalah mengikut kapasiti masjid dan surau dengan penjarakan fizikal. Bagi membolehkan lebih ramai Jemaah bersolat Jumaat, Jabatan Agama Islam Negeri Johor juga telah memberi kebenaran Jumaat sementara kepada 265 surau kariah yang layak termasuk surau sekolah yang berkemampuan.

Walau bagaimanapun, perancangan menaikkan had Jemaah ini adalah tertakluk kepada pandangan dari Jabatan Kesihatan Negeri, MKN, Jawatankuasa Fatwa Negeri Johor dan perkenan DYMM Sultan Johor.

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI AHAD, 22 OGOS 2021**

YB DATO' IR SYED SIS BIN SYED ABDUL RAHMAN (TANJUNG SURAT)
SOALAN 12 (A202)

Bilakah Projek Perumahan Rakyat (PPR), Pengerang di Kg Punggai akan siap sepenuhnya?.

JAWAPAN YB TUAN HAJI AYUB BIN JAMIL

PPR Pengerang ialah projek milik Jabatan Perumahan Negara, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan dan kontraktor yang dilantik bagi melaksanakan projek ini ialah AM Rich Constructions & Development Sdn Bhd.

Merujuk kepada Laporan Kemajuan No. 28 PPR Pengerang (16 Jun 2021 - 15 Julai 2021), tarikh siap asal dijadualkan pada 24 September 2021. Projek ini telah diluluskan dua Extension of Time (EOT) dan tarikh siap semasa dijadualkan pada 12 Julai 2022. (Dilampirkan)

Kemajuan fizikal di tapak setakat tarikh 15 Julai 2021 adalah sebanyak 43%, iaitu 13% lewat daripada perancangan kemajuan pada jadual asal yang menganggarkan kemajuan fizikal pada tahap 56%.

Sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP 3.0) dan tempoh Pelan Pemulihan Negara (PPN Fasa 1), tiada kerja pembinaan dapat dilaksanakan bermula 1 Jun 2021 sehingga tarikh semasa.

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI AHAD, 22 OGOS 2021**

**YB PUAN CHEW PECK CHOO (YONG PENG)
SOALAN 13 (A92)**

Bilakah laluan baru Bas Muafakat Johor dari Yong Peng-Kangkar Bahru dan Yong Peng-Kota Impian-Taman Sri Wangi-Taman Berjaya akan dimulakan?

JAWAPAN YB TUAN HAJI MOHD SOLIHAN BIN BADRI

Kerajaan Negeri baru – baru ini telah bersetuju didalam Mesyuarat Kerajaan Negeri bagi meluluskan cadangan 10 laluan baru Bas Muafakat Johor 2021 termasuk 2 laluan tambahan di Yong Peng seperti yang telah diusulkan oleh pihak Perbadanan Pengangkutan Awam Johor.

Selain Yong Peng, penambahan 10 laluan baru BMJ ini akan melibatkan kawasan Majlis Perbandaran Kluang (MPK), Majlis Perbandaran Muar (MPM), Majlis Daerah Mersing (MDM), Majlis Daerah Kota Tinggi (MDKT), Majlis Daerah Labis (MDL), Majlis Daerah Simpang Renggam (MDSR), Majlis Daerah Tangkak (MDT) dan Majlis Perbandaran Pontian (MPPn).

Laluan – laluan baru ini yang melibatkan kos sebanyak RM 3.84 juta merupakan inisiatif pihak Kerajaan Negeri Johor yang prihatin terhadap penduduk bagi memudahkan perjalanan mereka dan menjimatkan kos sara hidup mereka.

Butiran 10 laluan baru ni adalah seperti berikut :

1. KL003 (Terminal Kluang - Pekan Kahang)
2. MU005 (Terminal Maharani - Simpang Jeram – Jorak)
3. ME004 (Terminal Mersing – Endau)
4. KT003 (Terminal Kota Tinggi – Tanjung Sedili)
5. LB003 (Hentian Labis - Bekok - Pekan Chaah)
6. SR004 (Renggam – Kluang)
7. YP002 (Perhentian Bas Yong Peng - Taman Sri Wangi - Taman Kota Impian - Taman Berjaya - Perhentian Bas Yong Peng)
8. YP003 (Perhentian Bas Yong Peng - Kangkar Bahru)
9. TK003 (Terminal Bas Tangkak - ILP Tangkak)
10. PN003 (Terminal Bandar Pontian - Kukup - Tanjung Piai)

Perancangan penetapan dan semakan laluan BMJ sentiasa dijalankan berdasarkan beberapa kriteria iaitu melalui kawasan berpenduduk yang tiada perkhidmatan sebelum ini dengan kepadatan tinggi serta melalui kawasan kemudahan awam, pejabat agensi kerajaan, sekolah, kawasan rekreasi dan lain-lain kawasan tumpuan masyarakat setempat.

Laluan BMJ juga mengambil kira keadaan infrastruktur sedia ada seperti kelebaran jalan, radius pusingan di persimpangan, kemudahan pondok bas sedia ada, lay-by dan lain-lain. Selain itu, laluan BMJ yang dicadangkan juga perlu mempunyai integrasi dengan perkhidmatan pengangkutan bas dan teksi/kereta sewa sedia ada serta perkhidmatan pengangkutan awam yang yang lain.

Pihak Perbadanan Pengangkutan Awam Johor akan menjalankan proses perolehan bagi melantik operator yang berkelayakkan untuk menjalankan operasi di laluan tersebut. Semua laluan baru Bas Muafakat Johor dijangka akan beroperasi pada suku keempat tahun ini atau suku tahun pertama 2022.

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI AHAD, 22 OGOS 2021**

YB TUAN TAN CHEN CHOON (JEMENTAH)
SOALAN 14 (A9)

Berapakah jumlah pelabur luar negara yang telah menggulung tikar di Negeri Johor semenjak tercetusnya wabak Covid-19 ? Bagaimanakah kerajaan Negeri Johor dapat memastikan ekonomi Johor terus membangun dan Johor adalah destinasi yang tertarik kepada pelabur-pelabur luar negara.

JAWAPAN YB DATUK MOHD IZHAR BIN AHMAD

Bagi menjawab pertanyaan Yang Berhormat Jementah mengenai jumlah pelabur luar negara yang telah menggulung tikar di Negeri Johor semenjak tercetusnya wabak Covid-19. Bagi makluman Ahli-ahli Yang Berhormat di dewan yang mulia ini, bagi tahun 2020 sepertimana yang telah di jawab pada persidangan yang lalu, laporan dari MIDA telah merekodkan, hanya terdapat satu sahaja pelaburan melibatkan syarikat milik pelabur asing yang terhenti, ditarik balik dan tidak diteruskan di negeri Johor dan ianya berlaku di daerah Kluang, Johor.

Manakala bagi tahun 2021 dan merujuk kepada laporan yang dikeluarkan oleh MIDA. Negeri Johor. Sehingga Julai 2021, tiada lagi kes melibatkan syarikat milik pelabur asing yang telah menghentikan operasi, ditarik balik, tidak diteruskan mahupun telah menggulung tikar di negeri ini. Justeru itu, saya menyimpulkan bahawa hanya terdapat satu sahaja pelaburan yang telah menghentikan operasi atau keluar semenjak tercetusnya penularan Pandemik Covid-19 dan pelaksanaan arahan PKP.

Kerajaan Negeri sentiasa komited dalam usaha menarik pelaburan masuk ke negeri ini walaupun memahami bahawa ianya satu cabaran yang sangat besar dan sesuatu yang agak sukar pada ketika ini memandangkan keadaan perkembangan situasi semasa tanahair yang masih bergelut dengan Pandemik COVID19. Penutupan sempadan antarabangsa secara langsung menyumbang kepada kekangan bagi usaha merealisasikan sesebuah pelaburan itu. Namun begitu, semua cabaran serta kekangan yang timbul tidak sesekali melunturkan semangat dan usaha kerajaan dalam menarik pelaburan.

Sentiasa berfikiran positif dan optimis, kerajaan menerusi Pusat Pelaburan Negeri Johor (Invest Johor) giat melaksanakan pelbagai inisiatif bagi mengekalkan pelaburan yang sedia ada dan seterusnya gigih berusaha dalam memastikan Negeri Johor sebagai sebuah destinasi pelaburan utama yang menjadi tumpuan dan pilihan utama selain mesra kepada pelabur luar negara. Bagi menjayakan visi tersebut, pelbagai pelan perancangan serta tindakan yang telah diambil oleh kerajaan negeri Johor.

Antara inisiatif yang telah dan sedang dilaksanakan secara berterusan adalah menganjurkan sesi libat urus bersama pihak-pihak terbabit terutamanya majlis atau organisasi yang mewakili pelabur luar negara mahupun tempatan. Kerajaan Negeri turut mengadakan beberapa sesi dialog dengan pelbagai persatuan perniagaan dan persatuan pengilangan bagi mendapatkan maklum balas serta input yang berkaitan. Kerajaan negeri sentiasa mengambil perhatian serius dan tindakan segera di atas setiap aduan yang telah diutarakan oleh pihak industri. Usaha-usaha ini secara tidak langsung dapat menzahirkan keprihatinan kerajaan terhadap segala permasalahan yang dihadapi oleh pihak pelabur dan juga industri ketika tempoh sukar Pandemik Covid-19 sekarang ini.

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI AHAD, 22 OGOS 2021**

Izinkan saya berkongsi sedikit informasi mengenai beberapa siri sesi dialog secara maya bersama persatuan dan pemain pemain industri yang telah dan akan dianjurkan oleh Invest Johor dalam tempoh terdekat ini. Berikut antara sesi dialog dan perbincangan tersebut:

- i. Sepanjang Bulan Julai 2021
 - Johor Bahru Chinese Chamber of Commerce (JBCCI)
 - Malaysia International Chamber of Commerce and Industry (MICCI)
 - Malaysia - Singapore Business Council & Singapore Business Federation (SBF)
 - AME dan kesemua syarikat dan industri di dalam Kawasan Perindustrian I-Park

- ii. Sepanjang Bulan Ogos 2021
 - Muar Furniture Association (MFA)
 - Boss Club Malaysia

Selain itu, sesi promosi bersama bakal pelabur telah giat diadakan melalui perbincangan online bagi menarik secara menerus pelaburan ke Negeri Johor. Ini amat penting bagi memberikan keyakinan kepada bakal pelabur untuk terus membuat keputusan untuk melabur ke Negeri Johor.

Kerajaan Negeri juga sedang menyiapkan satu Pelan Induk Pelaburan Negeri Johor 2030 (PIP NJ 2030) di mana pelan ini merupakan satu dokumen rujukan yang komprehensif dalam memacu agenda pelaburan Negeri Johor berjangka masa 10 tahun. Ianya amat penting terutama ketika selepas Pasca COVID-19 akan datang. Pelan ini dijangka akan siap pada Oktober 2021.

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI AHAD, 22 OGOS 2021**

YB TUAN MD. YSAHRUDDIN BIN KUSNI (BUKIT NANING)
SOALAN 15 (A117)

Mohon penjelasan bagi harga keperluan khususnya harga minyak masak yang seolah-oleh tiada pengawalan sejak PKP dilaksanakan, bagaimana untuk mengawal harga minyak masak supaya tidak menindas pengguna.

JAWAPAN YB DR. CHONG FAT FULL

Pihak kerajaan telah membuat kawalan harga bagi minyak masak dalam bungkusan *polybag* 1 kilogram yang mana ia merupakan barang kawalan yang diberikan subsidi di bawah Program Skim Rasionalisasi Harga Minyak Masak (COSS) bagi membantu meringankan kos sara hidup rakyat dan dijual dengan harga RM 2.50.

Pihak kerajaan juga mengambil berat rungutan rakyat serta kebajikan pengguna ekoran kenaikan harga minyak masak di pasaran baru-baru ini. Justeru itu kerajaan komited dalam memastikan kebajikan rakyat khususnya dalam cabaran situasi pandemik COVID-19 ini. Sehubungan dengan itu, kerajaan telah melaksanakan program harga kawalan berasaskan nilai ambang minyak sawit mentah (CPO). Penetapan harga runcit maksimum minyak masak sawit botol tersebut dibuat dibawah Perintah Kawalan Harga dan Antipencatutan (Penentuan Harga Maksimum Bagi Minyak Masak) 2021 dan berkuatkuasa pada 01 Ogos 2021.

Pelaksanaan harga kawalan untuk minyak masak tulen ini dapat menjamin pengguna boleh mendapatkan minyak masak di bawah harga RM 30 bagi botol Lima (5) kg dan lain-lain kuantiti tanpa mengira kedudukan harga sawit semasa.

Berikut adalah senarai harga kawalan bagi minyak masak sawit botol tersebut :-

BIL.	KILOGRAM	HARGA RUNCIT MAKSIMUM
1.	1 KG	RM 6.70
2.	2 KG	RM 12.70
3.	3 KG	RM 18.70
4.	5 KG	RM 29.70

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI AHAD, 22 OGOS 2021**

YB TUAN MD. YSAHRUDDIN BIN KUSNI (BUKIT NANING)

SOALAN 16 (A116)

Sektor pertanian seperti penanaman nenas di kawasan Bukit Naning menerima kesan akibat PKP yang berlarutan, apakah inisiatif kerajaan dalam menangani isu ini supaya pekebun tidak menerima kerugian yang besar?

JAWAPAN YB DATUK HAJI SAMSOLBARI BIN JAMALI

Untuk makluman Yang Berhormat, jenis nenas yang terkesan pada ketika ini adalah varieti Moris dan Josapine. Nenas Moris dan Josapine banyak digunakan di dalam masakan dan makan segar. Kekangan dan pelanjutan PKP 3.0 di mana majlis-majlis dan kenduri tidak dapat dilaksanakan antara faktor yang memberi kesan kepada permintaan nenas Moris dan Josapine. Pihak Lembaga Perindustrian Nanas Malaysia (LPNM) telah mengambil beberapa langkah/inisiatif bagi membantu pengusaha tanaman yang terjejas akibat kesan Pandemik Covid -19 dan PKP yang berlarutan dengan kaedah :

1. Membuat pepadanan pemasaran dengan pemborong - pemborong sedia ada di Negeri Johor serta di luar Negeri Johor.
2. Membuat pembelian buah nenas melalui peruntukan Promosi Kempen Nanas Negeri Johor.
3. Membuat pepadanan dengan kilang – kilang pemprosesan nenas.
4. Pihak LPNM juga dalam usaha transformasi menggalakkan pengusaha menanam varieti yang lebih komersial dan premium seperti varieti MD2 yang mana permintaannya di pasaran adalah tinggi dan ketika ini juga tiada masalah pemasaran.

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI AHAD, 22 OGOS 2021**

YB TUAN MUHAMAD SAID BIN JONIT (MAHKOTA)
SOALAN 17 (A87)

Pelaksanaan PDPR telah mendedahkan betapa masih banyak kawasan kampung masih tiada capaian internet. Mengapakah tiada saluran rasmi untuk ADUN untuk memohon pihak TM memasang infrastruktur sebaliknya perlu menghantar surat secara persendirian memohon belas kasihan melalui surat kepada pihak atasan TM.

JAWAPAN YB TUAN HAJI MAZLAN BIN BUJANG

Yang Berhormat Tuan Speaker, pihak kerajaan bersama-sama pihak Telekom Malaysia Berhad (TM) mengambil berat berkenaan isu pelaksanaan Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah (PdPR) dan usaha giat sentiasa dan sedang dilakukan oleh TM untuk menambah baik liputan telekomunikasi di seluruh negara. Pada masa ini, ianya telah menjadi agenda utama pihak TM untuk memberikan liputan kepada semua lapisan masyarakat tidak kira di mana jua mereka berada.

Bagi membuat permohonan dan aduan berkaitan dengan perkhidmatan, saluran khidmat pelanggan secara fizikal (walk-in) dan atas talian melalui emel, talian telefon dan media sosial, telah dibangunkan bagi memastikan segala aduan serta maklumbalas pelanggan dapat berhubung terus dengan pihak TM.

Pihak TM sentiasa berusaha untuk menambah baik kualiti layanan khidmat pelanggan dari masa ke semasa dan ianya terbuka untuk sebarang cadangan penambahbaikan.

Permohonan perkhidmatan jalur lebar talian tetap boleh dilakukan melalui beberapa cara. Pihak TM telah menyediakan beberapa saluran khidmat pelanggan seperti pusat panggilan TM di talian 100, kaunter aduan di cawangan TMpoint, serta saluran-saluran rasmi aduan digital dan atas talian, melalui platform media sosial, 'live chat', emel dan aplikasi myunifi bagi pengguna Android dan IOS.

Pihak TM mengucapkan terima kasih dan mengambil maklum akan cadangan untuk menyediakan saluran khas bagi ADUN untuk menyalurkan permohonan pemasangan prasarana internet, dan akan sentiasa berusaha untuk memenuhi setiap permohonan yang dikemukakan.

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI AHAD, 22 OGOS 2021**

YB TUAN HAJI ROSLELI BIN JAHARI (JOHOR LAMA)
SOALAN 18 (A81)

Mohon naik taraf kemudahan dan perkhidmatan di Hospital Kota Tinggi dengan menambah saiz keluasan bangunan hospital dan tempatkan doktor pakar. Pada ketika ini, pesakit dari hospital ini perlu ke HSA atau HSI untuk bertemu doktor pakar.

JAWAPAN YB TUAN VIDYANANTHAN A/L RAMANADHAN

Hospital Kota Tinggi (HKT) adalah Hospital Kluster Johor Timur bersama-sama Hospital Sultan Ismail (HSIJB) sebagai lead hospital dan H.Mersing bermula pada tahun 2018. Hospital ini terletak 28km/20 minit perjalanan dari Hospital Sultan Ismail JB (HSIJB) dan 43km/40 minit perjalanan dari Hospital Sultanah Aminah JB (HSAJB).

Pelaksanaan perkhidmatan secara kluster ini dapat memastikan akses kepada perkhidmatan kepakaran oleh masyarakat setempat dapat dilakukan tanpa pesakit perlu ke Johor Bahru.

Buat masa ini, semua disiplin kepakaran utama telah memberikan perkhidmatan di HKT secara berjadual dari HSIJB dan HSAJB dengan kekerapan seperti berikut:

KEKERAPAN	DISIPLIN PERKHIDMATAN	LAWATAN PAKAR
Setiap bulan (bulanan)	Kecemasan	HSIJB
	Perubatan	
	Pembedahan	
	Orthopaedik	
	Paediatrik	
Setiap dua bulan	Nefrologi	HSAJB
	Radiologi	
Setiap tiga bulan	Obstetrik & Ginekologi	
	Psikiatri	

Cadangan menaiktaraf Hospital Kota Tinggi (HKT) sedia ada dilihat tidak bersesuaian sebagai perancangan jangka masa panjang memandangkan tapak hospital yang terhad. Sehubungan itu, sebuah hospital baru telah dicadangkan dibina bagi menggantikan hospital sedia ada di mana cadangan tapak hospital baru dengan kedudukan yang strategik telah dikenalpasti.

Bahagian Perancangan, Kementerian Kesihatan Malaysia telah mencadangkan lawatan tapak bersama agensi teknikal bagi penilaian kesesuaian yang lebih komprehensif, dijangka selepas kelonggaran aktiviti berkaitan dibenarkan dalam Pelan Pemulihan Negara. Seterusnya, cadangan pembinaan hospital baru ini dengan skop perkhidmatan yang lebih besar akan dicadangkan di dalam Rancangan Malaysia Ke-dua belas (RMK-12) . Rolling Plan ke-empat.

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI AHAD, 22 OGOS 2021**

YB TUAN MUHAMAD SAID BIN JONIT (MAHKOTA)

SOALAN 19 (A83)

Adakah kerajaan negeri menerima cadangan agar sektor perladangan kelapa sawit dilindungi dengan memastikan pekebun divaksin secara keseluruhan, dengan menggesa FELDA yang mempunyai banyak tanah rancangan di Johor menanggung kos vaksinasi Covid-19?

JAWAPAN YB DATUK HAJI SAMSOLBARI BIN JAMALI

Pihak FELDA melalui Jabatan Komuniti telah mengemukakan permohonan kepada Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) untuk pekerja asing di bawah FELDA/FPMSB (Felda Plantation Management Sdn. Bhd.) divaksin sekali bersama peneroka semasa program vaksinasi. Ketika ini, terdapat program vaksinasi oleh KKM kepada peneroka FELDA tetapi tidak melibatkan pekerja asing.

Alternatif kepada itu, pihak FELDA/FPMSB juga membuat permohonan kepada Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi untuk program vaksinasi pekerja asing di bawah program Vaksinasi Pekerja Industri Agrokomoditi (VACOMS), namun akan melibatkan kos pengurusan diantara RM80.00 ke RM100.00 seorang memandangkan proses ini akan dikendalikan oleh pihak ketiga yang berdaftar dengan Kementerian Kesihatan Malaysia.

Bagi perkara yang sama, untuk makluman Yang Berhormat, sehingga 8 Ogos 2021, seramai 20,681 peneroka daripada jumlah keseluruhan peneroka seramai 27,642 di Negeri Johor telah mendaftar bagi mendapatkan vaksin. Daripada jumlah tersebut, seramai 7,457 peneroka telah melengkapkan dua dos vaksin manakala seramai 6,641 peneroka baru selesai mendapatkan satu dos vaksin. Baki seramai 6,623 peneroka lagi belum memperoleh vaksin.

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI AHAD, 22 OGOS 2021**

YB PUAN RASHIDAH BINTI ISMAIL (PASIR RAJA)

SOALAN 20 (A119)

Berapakah jumlah permohonan Bakul Prihatin Negara di dalam DUN Pasir Raja?

JAWAPAN YB PUAN ZAITON BINTI ISMAIL

Jabatan Kebajikan Masyarakat negeri Johor melalui Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah Kota Tinggi sehingga 5 Ogos 2021 telah menyantuni seramai 145 orang pemohon bantuan Bakul Prihatin Negara yang mengandungi makanan asas. Agihan Bakul Prihatin Negara telah dilaksanakan oleh sukarelawan di bawah Skwad Prihatin Negara (SPN) pada 21 Julai 2021.

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI AHAD, 22 OGOS 2021**

YB TUAN DR. SULAIMAN BIN MOHD NOR (KEMELAH)

SOALAN 21 (A64)

Dengan capaian Internet dan akses yang terhad ditambah dengan pergerakan terhad waktu PKP dan Lockdown, berapakah peratus keberkesanan sistem pemantauan Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah (PdPR) yang dilaksana Kementerian Pendidikan Malaysia bagi Negeri Johor?

JAWAPAN YB TUAN HAJI MAZLAN BIN BUJANG

Jabatan Pendidikan Negeri Johor (JPN Johor) menggunakan sistem dibekalkan KPM iaitu merujuk Sistem Pelaporan PdPR (SPdPR) untuk digunakan oleh semua negeri. Negeri Johor telah terpilih sebagai rintis sistem ini mulai 23 Mei 2021. Pentadbir sekolah, PPD, JPN Johor dan KPM dapat memantau pelaksanaan dan pelaporan PdPR pada bila-bila masa dengan menggunakan ID yang telah dibekalkan. JPN Johor (Sektor Pembelajaran) sentiasa membuat pemantauan pelaporan SPdPR secara harian, mingguan dan bulanan supaya tindakan intervensi dapat dilaksanakan oleh PPD dan sekolah bagi mengatasi isu-isu yang mungkin timbul sepanjang pelaksanaan PdPR.

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI AHAD, 22 OGOS 2021**

YB TUAN MOHD. KHUZZAN BIN ABU BAKAR (SEMERAH)
SOALAN 22 (A108)

Dalam norma baharu masyarakat, peranti menjadi sebahagian dari kehidupan mereka. Oleh itu, apakah usaha kerajaan negeri dalam mempromosikan makanan serta masakan tradisi orang Johor mengikut kaedah teknologi terkini serta langkah-langkah yang telah diambil.

JAWAPAN YB TUAN HAJI MAZLAN BIN BUJANG

1. Kerajaan negeri sentiasa berusaha dalam mempromosikan makanan dan masakan tradisi orang Johor mengikut kaedah teknologi terkini.
2. Dalam norma baharu masyarakat, peranti menjadi sebahagian dari kehidupan. Inisiatif mempromosikan makanan dan masakan tradisi orang Johor adalah melalui Yayasan Warisan Johor dengan kerjasama pelbagai agensi berkaitan.
3. Antara usaha yang dilakukan termasuklah dokumentasi makanan warisan yang dimuat naik ke media sosial bagi tujuan pendedahan serta pertandingan masakan secara dalam talian yang membolehkan masyarakat mengambil bahagian dalam mempromosikan makanan warisan. Usaha-usaha ini dilaksanakan di bawah program Sajian Warisan Johor.
4. Program Sajian Warisan Johor merupakan program tahunan yang bermula pada Oktober 2019. Ia dilaksanakan dengan kerjasama beberapa pihak seperti Kolej Yayasan Pelajaran Johor (KYPJ), *Johor Chef Association* dan komuniti setempat di daerah-daerah di negeri Johor. Pada tahun ini, penganjuran program Sajian Warisan Johor adalah kali yang ketiga.
5. Antara slot di bawah program ini adalah Demonstrasi masakan oleh Cef, Jom Cari Makan! dan Pertandingan Masakan Johor. Media sosial seperti *Facebook*, *Instagram* dan *YouTube* digunakan sebagai platform untuk memberi pendedahan kepada masyarakat sekaligus mempromosikan makanan warisan di negeri Johor melalui slot-slot di bawah program ini.
6. Berikut merupakan data jumlah dan bilangan tontonan di media sosial Yayasan Warisan Johor dalam mempromosikan makanan dan masakan tradisi orang Johor.

Jumlah Tontonan Slot Sajian Warisan Johor 2020 di Laman Media Sosial Yayasan Warisan Johor

Bil.	Slot Sajian Warisan Johor 2020	Facebook	Instagram	YouTube
1	Jom Cari Makan!	16,729	4436	969
2	Demonstrasi bersama Cef	8900	1456	968
	Jumlah Tontonan	25,629	5892	1937

*Data diperoleh pada 1 Ogos 2021

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI AHAD, 22 OGOS 2021**

Jumlah 'Like' Poster Projek Media Yayasan Warisan Johor di Laman Media Sosial Yayasan Warisan Johor

Bil.	Poster #PROJEKMEDIAYWJ	Facebook	Instagram
1	Kuih Lopes	39	51
2	Asam Pedas Johor	74	33
3	Telur Pindang	131	80
4	Harissa	37	43
5	Nasi Ambeng	41	45
6	Laksa Johor	734	58
Jumlah		1056	310

*Data diperoleh pada 1 Ogos 2021

7. Berdasarkan data dan statistik yang diperoleh sehingga 1 Ogos 2021, sejumlah **33,458 tontonan** slot Program Sajian Warisan Johor di laman media sosial Yayasan Warisan Johor iaitu *Facebook* (**25,629 tontonan**), *Instagram* (**5892 tontonan**) dan *YouTube* (**1937 tontonan**). Slot-slot tersebut merangkumi slot Jom Cari Makan! dan Demonstrasi bersama Cef di bawah Program Sajian Warisan Johor 2020. Pihak Yayasan Warisan Johor mengunjurkan statistik ini akan terus meningkat dengan tambahan segmen baharu pada penganjuran akan datang.
8. Selain itu, Yayasan Warisan Johor turut memaparkan poster #PROJEKMEDIAYWJ yang meliputi maklumat makanan warisan Johor seperti Kuih Lopes, Telur Pindang, Harissa, Laksa Johor dan beberapa lagi di media sosial. Paparan poster tersebut telah memperoleh sejumlah **1366 likes** bagi kedua-dua media sosial iaitu Facebook (**1056 likes**) dan Instagram (**310 likes**).
9. Data dan statistik yang dikemukakan ini menunjukkan respon positif masyarakat bahawa makanan warisan negeri Johor tidak akan hilang begitu sahaja. Bahkan juga, makanan warisan negeri Johor tetap kekal diterima dan terus berkembang sebagai pilihan setiap generasi.

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI AHAD, 22 OGOS 2021**

YB TUAN TEE BOON TSONG (SENAI)

SOALAN 23 (A14)

Adakah Kerajaan bercadang untuk membuat saringan Covid-19 secara besar-besaran?

YB TUAN SR. DZULKEFLY BIN AHMAD (KOTA ISKANDAR)

SOALAN 24 (A95)

Kenapakah Negeri Johor tidak melaksanakan proses saringan Covid-19 secara besar-besaran seperti yang dilakukan oleh Negeri Selangor, Wilayah Persekutuan dan Negeri Sembilan? Walaupun dilaporkan Kerajaan Johor telah membeli 180,000 Kit Ujian tetapi jumlahnya masih jauh berbanding 3.76 juta rakyat Johor.

YB PUAN GAN PECK CHENG (PENGKARAM)

SOALAN 25 (A195)

Peningkatan ujian saringan amat diperlukan jika imuniti kelompok ingin dicapai secepat mungkin, selain dapat mengenal pasti lokasi hotspot. Mengapa Jabatan Kesihatan negeri dan daerah tidak membenarkan program ujian saringan RTK secara pandu-lalu dijalankan oleh pejabat ADUN dengan kerjasama pihak swasta?

JAWAPAN YB TUAN VIDYANANTHAN A/L RAMANADHAN

(Jawapan bersekali untuk soalan A14, A95 & A195)

Ujian berskala besar telah dilaksanakan semenjak awal lagi di negeri Johor. Ianya berbentuk ujian secara bersasar (targeted testing) berdasarkan maklumat risikan dan epidemiologi yang dianalisa dengan terperinci. Pendekatan targeted testing lebih berfokus, efisien dan berkesan dalam situasi pandemik.

Pengujian massa tanpa kawalan akan memberi banyak **False Negatives** kepada umum ekoran tempoh pengeraman yang lama. Dikhawatiri ianya akan memberi gambaran/persepsi selamat dalam situasi bahaya COVID-19 dan tiada tindakan pencegahan oleh individu yang negatif.

Walaupun Kerajaan Johor telah membeli 180,000 Kit Ujian, Jabatan Kesihatan sendiri mempunyai bekalan tambahan untuk pengujian COVID-19, melalui ujian Ujian PCR, RTK Ag dan RTK Saliva.

Malahan maklumat ujian massa oleh pihak wakil satu negeri menunjukkan kadar positifiti pengujian massa secara tidak bersasar adalah amat rendah (di bawah 1%) tetapi memakan belanja yang tinggi. Ujian yang dijalankan oleh Jabatan Kesihatan Negeri tersebut secara bersasar pula menunjukkan kadar positifiti yang selari dengan pencapaian Malaysia (melebihi 10%)

Aktiviti Pengujian COVID-19 mengambil pendekatan *Early Detection and Containment* melalui pelaksanaan aktiviti FTTIS (Find, Trace, Test, Isolate and Support).

Aktiviti ujian secara massa telah lama dilaksanakan semenjak kejadian gelombang kedua di Negeri Johor, tetapi secara lebih teratur dan bersasar atau targeted testing.

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI AHAD, 22 OGOS 2021**


Ujian secara massa tanpa perancangan akan memberi impak yang negatif kepada keseluruhan sistem pengurusan COVID-19 serta mengelirukan kefahaman masyarakat dan menimbulkan isu *risk communication* kelak.

Dengan itu, Jabatan Kesihatan tidak menyokong program yang dicadangkan kerana pengujian massa sangat tidak praktikal, memerlukan belanja yang tinggi dan selalunya tiada impak besar ke atas penularan. Di antara kesan negatif yang dilihat:

- Melambatkan keputusan kerana bilangan ujian yang tinggi
- Kemungkinan berlaku banyak *False Negatives* ekoran tempoh pengeraman yang lama dan dikhuatiri memberi gambaran / persepsi selamat dalam situasi bahaya COVID-19 dan tiada tindakan pencegahan oleh individu yang tersebut
- Pengumpulan orang yang ramai menyumbang kepada penularan di lokasi pengujian

Pada tahun 2021 sehingga 6 Ogos 2021, Negeri Johor telah melakukan 1,751,338 ujian saringan COVID-19 di seluruh negeri Johor. Dari bilangan tersebut, sebanyak 92,382 dikesan positif.

BILANGAN KES COVID-19 MENGIKUT KATEGORI UMUR (N= 87381)



Kerajaan Negeri Johor menyokong usaha FTISS dengan menyumbang sebanyak 130,000 RTK Ag dan 50,000 RTK Saliva bagi kegunaan dilapangan. Kit tersebut akan digunapakai melalui pendekatan FTTIS (Pengurusan kes COVID-19), Risk Based testing (pengujian berdasarkan lokasi berisiko) dan Enhance Community surveillance (pemantauan program surveillance sediaada di fasiliti kesihatan) di setiap daerah. Pecahan sumbangan RTK adalah seperti dibawah:

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI AHAD, 22 OGOS 2021**

JADUAL PENGAGIHAN KIT UJIAN MENGIKUT DAERAH

DAERAH	RTK ANTIGEN	RTK SALIVA
JOHOR BAHRU	60000	8,000
KULAI	7000	6000
PONTIAN	6000	3000
KLUANG	9000	5000
SEGAMAT	8000	4000
BATU PAHAT	8000	4000
MUAR	9000	6000
TANGKAK	9000	6000
KOTA TINGGI	8000	5000
MERSING	6000	3000
JUMLAH	130000	50,000

Pada bulan Julai sebanyak 133,702 ujian RTK Antigen telah dijalankan, di mana 5,814 (4.3%) dikesan positif. Manakala 131 ujian RTK Saliva yang telah dijalankan setakat ini bermula 27 Julai 2021, dan 8 kes telah berjaya dikesan positif.

Ujian massa bersasar memberi penekanan juga kepada pemantauan kumpulan berisiko pada satu-satu masa (jadual). Sebagai contoh, ujian saringan terhadap setiap tangkapan orang kena tuduh (OKT) dilaksanakan sebelum dihantar ke penjara. Pihak PDRM bekerjasama dengan Pejabat Kesihatan Daerah di dalam perkara ini, bagi memastikan tiada penularan yang berlaku di dalam penjara.

JADUAL: SURVEILLANCE BERSASAR KUMPULAN BERISIKO

BIL	LOKASI	BIL DISARING	BIL POSITIF
1	Tabligh Ijtima' Seri	6897	502 (8.4%)
2	Saringan Tahfiz dan Madrasah	3744	30 (0.8%)
3	Saringan Tempat Ibadat (Masjid Daerah Jb Dan Gereja)	459	9 (2.0%)
4	Pusat Jagaan Warga Emas	4196	106 (2.5%)
5	Saringan Penjual/Pemborong Pasar	2375	0
6	Anggota Kesihatan	6007	548 (9.1%)
7	Saringan Penjara/Depoh/Lokap	12,473	2,114 (16.9%)

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI AHAD, 22 OGOS 2021**

YB TUAN DR. RAMAKRISHNAN A/L SUPPIAH (BEKOK)

SOALAN 26 (A45)

Apakah bantuan-bantuan yang diberikan oleh Kerajaan Negeri bagi pelajar-pelajar miskin yang menghadapi masalah untuk mengikuti kelas dalam talian?

JAWAPAN YB TUAN HAJI MAZLAN BIN BUJANG

1. Jabatan Pendidikan Negeri Johor bertindak sebagai penerima Pakej Rangsangan Ekonomi Negeri Johor (PRE 3.0) dan setakat ini kerajaan negeri bersetuju memperuntukkan sebanyak 8,000 unit peranti (komputer riba) termasuk talian internet bernilai RM25 juta di sekolah menengah (283 buah) di negeri Johor. Murid yang layak menerima adalah dalam kalangan keluarga B40 dan proses serahan kepada jabatan ini masih dalam tindakan lanjut kerajaan negeri.
2. Peranti (komputer riba) tersebut akan didaftarkan sebagai aset sekolah dan akan dipinjamkan kepada murid-murid dalam kalangan B40 dan berkeperluan agar penggunaannya lebih optimum dalam PdPR.

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI AHAD, 22 OGOS 2021**

YB TUAN HAHASRIN BIN HASHIM (PANTI)
SOALAN 27 (A167)

Minta penjelasan tentang status penyerahan aset Lembaga Kemajuan Johor Tenggara (KEJORA) kepada Majlis Daerah Kota Tinggi (MDKT), misalnya loji pembedungan, dewan serba guna, tanah rizab dan beberapa lain.

JAWAPAN YB TUAN HAJI AYUB BIN JAMIL

Akibat daripada pembubaran Lembaga Bandaran Johor Tenggara (LBJT) yang telah berkuat kuasa 1 Januari 2017, MDKT telah menerima beberapa aset tak alih yang hanya diluluskan oleh Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (KKLW) melalui surat No. Rujukan KKLW.TW.(S).300-2/12/1 (7) bertarikh 11 Disember 2017. Sehubungan itu MDKT telah menimbangguna keputusan tersebut dan diluluskan di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Kewangan dan Perkara Am Bil 8/2018 bertarikh 8 Ogos 2018 dan disahkan di dalam Mesyuarat Penuh Bil 8/2018 bertarikh 15 Ogos 2018 bagi menerima aset-aset tersebut dan di bawah pengurusan MDKT.

Walau bagaimanapun, terdapat beberapa aset tak alih yang tidak diserahkan kepada MDKT yang mana masih dibawah pengurusan pihak Kejora, pihak MDKT melalui Mesyuarat Jawatankuasa Penilaian dan Cukai Harta Bil 11/2019 bertarikh 13 November 2019 dan Mesyuarat Penuh Bil 11/2019 bertarikh 27 November 2019 telah meluluskan dan bersetuju aset-aset yang tidak diserahkan kepada MDKT dikenakan tuntutan Sumbangan Membantu Kadar (SMK) sebagaimana Fasal 156 Perlembagaan Persekutuan iaitu :

“Jika tanah, bangunan, atau hereditamen diduduki bagi maksud awam oleh atau bagi pihak Persekutuan, sesuatu Negeri atau sesuatu pihak berkuasa awam, maka Persekutuan, Negeri atau pihak berkuasa awam itu tidaklah bertanggungjawab membayar kadar-kadar tempatan berkenaan dengannya tetapi bagi membantu pembayaran kadar-kadar itu hendaklah memberikan apa-apa sumbangan berkenaan dengannya sebagaimana yang dipersetujui antara Persekutuan, Negeri atau pihak berkuasa awam itu, mengikut mana-mana yang berkenaan, dengan pihak berkuasa yang melewikan kadar-kadar itu atau, jika tidak ada persetujuan, sebagaimana yang diputuskan oleh suatu tribunal yang terdiri daripada pengerusi Tribunal Tanah yang ditubuhkan di bawah Perkara 87, yang hendaklah mempengeruskannya, dan dua orang anggota lain dengan setiap satu pihak yang berkenaan itu melantik seorang anggota”.

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI AHAD, 22 OGOS 2021**

YB TUAN HAJI KHAIRUDDIN BIN A. RAHIM (SENGGARANG)

SOALAN 28 (A70)

Berapa jumlah pelaburan baru masuk ke negeri Johor dan berapa pula pelabur yang telah menutup peniagaan mereka sepanjang tempoh pandemik Covid-19 ini, sekali dengan nilai pelaburannya.

YB TUAN DR. SULAIMAN BIN MOHD NOR (KEMELAH)

SOALAN 29 (A69)

Apakah status terkini jumlah pelaburan di Negeri Johor mengikut daerah dan bagi Daerah Segamat khususnya, jumlah pelaburan di Pelabuhan Darat Segamat?

YB PUAN HAJAH NOR HAYATI BINTI BACHOK (MAHARANI)

SOALAN 30 (A214)

Nyatakan jumlah pelaburan asing yang masuk ke negeri Johor dari Mac 2020 hingga kini mengikut pecahan daerah serta jumlah bilangan pekerjaan yang berjaya diwujudkan.

JAWAPAN YB DATUK MOHD IZHAR BIN AHMAD

(Jawapan bersekali untuk soalan A70, A69 & A214)

Izinkan saya menjawab persoalan Yang Berhormat Senggarang, Yang Berhormat Kemelah dan Yang Berhormat Maharani secara bersekali kerana ianya berkaitan dan berkisar mengenai sektor pelaburan di negeri ini.

Bagi maklumat Ahli-ahli Yang Berhormat, sepanjang tempoh Pandemik Covid -19 melanda yang bermula pada tahun 2020 sehingga Mac 2021, Negeri Johor telah berjaya membawa masuk dan menerima pelaburan yang bernilai sebanyak RM 8.489 billion secara kumulatif. Dimana pada tahun 2020, Negeri Johor telah menerima pelaburan sebanyak RM 6.784 billion manakala bagi tahun 2021 sehingga Mac 2021, Negeri Johor telah menerima pelaburan sebanyak RM 1.705 billion. Ianya berdasarkan laporan yang dikeluarkan oleh MIDA Johor.

Bagi pecahan jumlah pelaburan yang diterima oleh Negeri Johor mengikut daerah, hanya beberapa daerah yang menerima pelaburan untuk tempoh tersebut dan butiran mengenainya adalah seperti berikut :-

1. Kulai - RM 963.95 juta
2. Johor Bahru - RM 649.10 juta
3. Muar - RM 69.86 juta
4. Batu Pahat - RM 21.98 juta

Menjawab persoalan yang diutarakan oleh Yang Berhormat Kemelah. Untuk daerah Segamat, nilai pelaburan yang berjaya dibawa masuk dan diterima untuk tempoh 5 tahun bermula dari tahun 2016 sehingga 2020 adalah berjumlah RM2.486 billion, di mana jumlah pelaburan yang diterima di Pelabuhan Darat Segamat (Segamat Inland Port) adalah sebanyak RM2.084 billion yang dicapai pada tahun 2018. Pelaburan tersebut adalah dari syarikat Leaf Malaysia OpCo Sdn Bhd yang berasal dari Amerika Syarikat.

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI AHAD, 22 OGOS 2021**

YB TUAN TEE BOON TSONG (SENAI)

SOALAN 31 (A18)

Mohon penjelasan projek naik taraf jalan ft 01 selekoh s dari Kulai ke Kelapa Sawit?

YB TUAN JIMMY PUAH WEE TSE (BUKIT BATU)

SOALAN 32 (A31)

Apakah status terbaru selekoh S Batu 24 Jalan Johor Bahru-Air Hitam yang telah mula diakses oleh pengguna jalan walaupun nampaknya belum siap?

JAWAPAN YB TUAN HAJI MOHD SOLIHAN BIN BADRI

(Jawapan bersekali untuk soalan A18 & A31)

Untuk makluman Yang Berhormat Senai dan Bukit Batu,

Projek Cadangan Kerja-kerja Memperelok Jajaran Di Laluan FT001 Johor Bahru ke Air Hitam, KM38 hingga KM40 Kulai, Johor yang dikenali sebagai projek Selekoh S yang dibuat secara Reka dan Bina ini telah dirujuk kepada Penasihat Undang-undang bagi tujuan penamatan kontraktor. Walaub agaimanapun sehingga kini, pihak kontraktor masih lagi bertanggungjawab ke atas penyiapan projek ini sehingga keputusan penamatan kontraktor diperolehi.

Tarikh siap projek ini berpandukan kepada kelulusan Tarikh Lanjutan Masa Kedua adalah pada 9 Julai 2020. Pihak kontraktor telah melaksanakan kerja dalam tempoh "Ganti Rugi" (LAD) sebanyak RM1,448.00 sehari dengan jumlah keseluruhan sehingga kini adalah sebanyak RM205,616.00.

Akses pada jalan baharu telah digunakan sebagai jalan sementara bagi memberi laluan kepada kontraktor untuk menjalankan kerja-kerja pengorekan jalan dan kerja-kerja elektrik di kawasan jalan asal FT001. Kerja-kerja telah terhenti disebabkan PKP dan projek ini tidak mendapat kelulusan kebenaran menjalankan kerja oleh MiTi disebabkan projek yang telah tamat tempoh.

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI AHAD, 22 OGOS 2021**

YB PUAN GAN PECK CHENG (PENGGARAM)

SOALAN 33 (A198)

Bagaimana kerajaan negeri membantu para ibu tunggal yang tidak tersenarai di dalam e-kasih dan bukan penerima bantuan kebajikan masyarakat, ketika menghadapi suasana pandemik, kerana ramai antara yang terjejas akibat pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan 3.0.

JAWAPAN YB PUAN ZAITON BINTI ISMAIL

Sepertimana Ucapan Belanjawan Johor 2021 di bawah Agenda Johor Prihatin, Kerajaan Negeri Johor telah menyalurkan peruntukkan kepada Yayasan Pembangunan Keluarga Darul Ta'zim (YPKDT) bagi melaksanakan inisiatif-inisiatif pemerkasaan golongan wanita terutamanya ibu tunggal dan wanita berpendapatan rendah B40 sepertiimana berikut :

Pertama, Program Women's Income-Generating Skills Project (WINGS), merupakan projek kemahiran menjana pendapatan wanita yang memfokuskan kepada peningkatan kemahiran golongan sasar terutamanya ibu tunggal, belia dan wanita B40. Program ini telah mula dilaksanakan sejak tahun 2003, di mana melibatkan lebih 9,747 peserta dari golongan ibu tunggal dan wanita B40.

Namun disebabkan pandemik Covid-19 yang melanda seluruh dunia kini, YPKDT telah melaksanakan inisiatif berbeza bagi menjalankan projek ini pada tahun 2021, di mana kursus-kursus kemahiran dijalankan secara atas talian.

Bagi tahun 2021, YPKDT telah bekerjasama dengan institusi kemahiran tinggi seperti Giat Mara bagi menjalankan Kursus Berfokus Sijil Kemahiran Malaysia, di mana melibatkan 60 peserta dari kalangan belia wanita B40 dan anak ibu tunggal.

Mereka diberikan peluang mengikuti kursus jangka pendek selama 6 bulan bermula Mac 2021 dan akan berakhir pada September 2021. 2 jenis kursus yang sedang diikuti peserta, iaitu Kursus Bakeri (Confectionary & Bakery) dan Kursus Jahitan (Fashion & Dress Making). Peserta yang berjaya menamatkan pembelajaran akan memperolehi Sijil Kemahiran Malaysia (SKM Tahap 2), di mana dengan sijil yang diperolehi, dapat membuka ruang dan peluang yang lebih baik kepada golongan sasar mendapatkan tempat di pasaran dan menjana pendapatan keluarga.

Selain itu juga, YPKDT juga menjalankan Kursus Kemahiran Asas secara atas talian (WINGS Online Courses 2021) dengan mensasarkan penglibatan seramai 240 peserta ibu tunggal seluruh Negeri Johor. Program ini juga dilaksanakan bertujuan meningkatkan kemahiran golongan wanita dalam usaha menjana pendapatan, malah meningkatkan pendapatan sedia ada dari rumah (*home-based business*). Disebabkan kekangan menjalankan kursus secara bersemuka, YPKDT mengambil inisiatif menjalankan kursus masakan *viral* secara atas talian seperti masakan Sushi Viral, Bomboloni Viral, Japanese Cream Puff Viral.

Kedua, Skim Bantuan Peralatan Perniagaan (SKIPP), merupakan projek menjana pendapatan wanita sejak Tahun 2003. Program ini mensasarkan bantuan peralatan perniagaan kepada peniaga-peniaga kecil dan usahawan *home-based business* wanita dalam kalangan ibu tunggal, wanita B40 dan usahawan suri YPKDT.

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI AHAD, 22 OGOS 2021**

Sebelum menyerahkan skim bantuan kepada peserta yang memohon, YPKDT akan menyiasat dan membuat sesi lawatan ke rumah dan kediaman peserta. Sekiranya peserta mempunyai perniagaan sendiri, YPKDT juga akan menjalankan siasatan awal dan lawatan ke premis perniagaan mereka bagi tujuan temubual dan mendapatkan maklumat.

Permohonan-permohonan yang telah disiasat akan di bawa ke Mesyuarat Jawatankuasa SKIPP bagi tujuan pemilihan berpandukan justifikasi dan bukti perniagaan. Bermula 2003, seramai 895 orang penerima manfaat di kalangan ibu tunggal telah menerima bantuan peralatan.

Manakala bagi tahun 2021, YPKDT telah meluluskan sebanyak 98 permohonan ibu tunggal bagi membantu mengembangkan perniagaan mereka agar lebih produktif dalam usaha menjana dan meningkatkan pendapatan sedia ada. Antara peralatan yang diberikan adalah seperti ketuhar, penguli tepung, peti ais, dapur, mesin jahit, peti ais sejuk beku, mesin jahit tepi dan sebagainya. Peserta-peserta juga diberi pemantauan dan bimbingan dari semasa ke semasa.

Ketiga, Program Sokongan Psikososial kepada Ibu Tunggal, merupakan program kerjasama di antara YPKDT dan UTM Skudai, di mana melibatkan penyertaan seramai 30 peserta di kalangan ibu tunggal yang telah berpisah dan bercerai dalam tempoh 3 tahun kebelakangan. Program ini melibatkan barisan kaunselor YPKDT dan kaunselor berdaftar UTM dalam membantu memberikan bantuan sokongan psikososial dan kaunseling kepada ibu tunggal yang terlibat.

Program ini sedang giat dilaksanakan secara atas talian, di mana peserta dibahagikan kepada 3 kumpulan. Para peserta akan menyertai sesi kaunseling kelompok secara berkala iaitu 3 kali sebulan, bagi berkongsi pengalaman dan isu-isu berkaitan kesihatan mental dan sokongan moral. Program ini juga merupakan program perintis di antara UTM dan YPKDT dalam menjalankan kerjasama membantu ibu tunggal yang memerlukan sistem sokongan. Para peserta juga didedahkan dengan ujian dan inventori psikologi bagi melihat tahap kesihatan mental mereka. YPKDT akan terus memantau perkembangan peserta dari semasa ke semasa. Program ini juga akan diperluaskan lagi bagi manfaat lebih ramai golongan sasar.

Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) Negeri Johor melalui semua Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah turut menyantuni masyarakat yang terkesan di Negeri Johor termasuk Ibu Tunggal, Orang Kurang Upaya, Warga Emas tanpa mengira latar belakang bangsa dan agama dengan pemberian bantuan kewangan bulanan. Pada ketika ini, JKM sedang mengagihkan bantuan Bakul Prihatin Negara (BPN) yang mengandungi makanan asas untuk keperluan harian semasa. Bantuan BPN ini merupakan satu inisiatif Kerajaan untuk membantu masyarakat yang terkesan sepanjang pandemik COVID-19 bagi memastikan masyarakat dapat meneruskan kelangsungan hidup mereka.

Bagi memastikan kelangsungan dan kesejahteraan ibu Tunggal, Pejabat Pembangunan Wanita Negeri Johor (PPWNJ) turut giat membantu kebajikan wanita khususnya golongan B40 dan ibu tunggal dalam menghadapi pandemik Covid-19. Peranan Jabatan Pembangunan Wanita (JPW) melalui PPWNJ adalah memberi fokus kepada pembangunan kapasiti, sokongan emosi dan psikososial kepada golongan rentan.

Sehubungan itu, JPW telah melantik dan melatih seramai 260 orang Ahli Skwad Waja yang mewakili 26 parlimen di negeri Johor. Sebanyak 5 siri latihan telah diberikan kepada ahli

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI AHAD, 22 OGOS 2021**

Skuad Waja pada 28, 29 dan 30 Jun 2021 serta 1 dan 2 Ogos yang lalu bagi membimbing ahli skuad dalam menyantuni masyarakat.

Tujuan skuad ini diwujudkan adalah sebagai perantara bagi JPW dalam membantu masyarakat. Kebanyakan ahli skuad ini adalah mereka yang hampir dengan masyarakat dan komuniti setempat. Sehingga kini sepanjang pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan 3.0, seramai 53 ibu tunggal, 598 keluarga miskin dan seorang OKU telah dibantu. Antara bantuan yang diberikan adalah bantuan makanan basah dan kering, khidmat nasihat, bantuan pengangkutan dan bantuan pendaftaran vaksin Covid-19.

Antara program yang telah dilaksanakan secara atas talian pada PKP 3.0 adalah Program Kelas Nutrisi Seimbang yang melibatkan seramai 30 orang ibu tunggal, 8 Program De'stress Klinik yang menjemput kaunselor atau pakar motivasi untuk mengupas isu-isu berkaitan emosi dan psikososial yang melibatkan penyertaan sebanyak 45 orang ibu tunggal dan akhir sekali 8 program klinik guaman kerjasama bersama Jabatan Bantuan Guaman (JBG) yang melibatkan seramai 38 orang ibu tunggal. Pihak PPWNJ akan sentiasa berusaha untuk menyantuni Wanita khususnya ibu tunggal yang merupakan golongan rentan di bawah KPWKM.

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI AHAD, 22 OGOS 2021**

YB TUAN HAJI AMINOLHUDA BIN HAJI HASSAN (PARIT YAANI)
SOALAN 34 (A183)

Berapa ramai doktor kontrak yang bertugas di negeri Johor dan senaraikan mengikut hospital?

JAWAPAN YB TUAN VIDYANANTHAN A/L RAMANADHAN

Untuk makluman, jumlah keseluruhan Pegawai Perubatan berstatus kontrak di Jabatan Kesihatan Negeri Johor ialah seramai 1,971 orang dengan pecahan mengikut hospital dan Pejabat Kesihatan Daerah seperti berikut:

Bil	Hospital / Pejabat Kesihatan Daerah	HO	MO	Jumlah (Orang)
1	Hospital Sultanah Aminah, Johor Bahru	440	195	635
2	Hospital Sultan Ismail, Johor Bahru	261	105	366
3	Hospital Pakar Sultanah Fatimah, Muar	201	26	227
4	Hospital Sultanah Nora Ismail, Batu Pahat	203	53	256
5	Hospital Segamat	107	40	147
6	Hospital Enche' Besar Hajjah Khalsom, Kluang	136	47	183
7	Hospital Kota Tinggi	0	11	11
8	Hospital Temenggong Seri Maharaja Tun Ibrahim, Kulai	0	15	15
9	Hospital Pontian	0	7	7
10	Hospital Mersing	0	15	15
11	Hospital Tangkak	0	5	5
12	Hospital Permai, Johor Bahru	0	16	16
13	Pejabat Kesihatan Daerah Johor Bahru	0	38	38
14	Pejabat Kesihatan Daerah Muar	0	10	10
15	Pejabat Kesihatan Daerah Batu Pahat	0	5	5
16	Pejabat Kesihatan Daerah Segamat	0	7	7
17	Pejabat Kesihatan Daerah Kluang	0	7	7
18	Pejabat Kesihatan Daerah Kota Tinggi	0	4	4
19	Pejabat Kesihatan Daerah Kulai	0	5	5

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI AHAD, 22 OGOS 2021**

20	Pejabat Kesihatan Daerah Pontian	0	5	5
21	Pejabat Kesihatan Daerah Mersing	0	2	2
22	Pejabat Kesihatan Daerah Tangkak	0	5	5
JUMLAH		1348	623	1971

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI AHAD, 22 OGOS 2021**

YB TUAN GOPALAKRISHNAN A/L SUBRAMANIAM (TIRAM)
SOALAN 35 (A22)

Tanah runtuh di kawasan tangki tadahan air di Jalan Asli Taman Pasir Putih sudah setahun lebih, keadaan ini membahayakan nyawa penduduk di kawasan terjejas.

JAWAPAN YB TUAN HAJI AYUB BIN JAMIL

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kawasan cerun tersebut berada di dalam rizab tangki air milik Ranhill SAJ Sdn Bhd. Walau bagaimanapun, pihak Majlis Bandaraya Pasir Gudang (MBPG) telah mengarahkan Syarikat Ranhill SAJ Sdn Bhd untuk mengambil tindakan bagi membaikpulih cerun tersebut dengan segera. Oleh yang demikian, pihak Ranhill SAJ Sdn Bhd telah mengambil tindakan sementara dengan memasang kanvas sebagai langkah proaktif dalam mengawal runtutan tanah bagi menjamin keselamatan kepada pengguna di sekitar kawasan tersebut.

Seterusnya, pihak Ranhill SAJ Sdn Bhd telah melantik kontraktor Ikatan Gemajaya Sdn Bhd bagi melaksanakan kerja-kerja membaikpulih cerun di Tangki Air, Taman Pasir Putih, Pasir Gudang dengan anggaran kos pelaksanaan sebanyak RM377,380.00. Tempoh pelaksanaan bagi kerja-kerja membaikpulih cerun tersebut bermula pada 24 Mei 2020 sehingga 23 Julai 2021.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kemajuan kerja sehingga 06 Ogos 2021 adalah 39.25% dan kelewatan 31.95%. Sehubungan itu, pihak kontraktor telah menghantar permohonan lanjutan masa (EOT) dan masih dalam pertimbangan pihak Ranhill SAJ untuk kelulusan selanjutnya.

Antara kaedah pembaikan yang digunapakai adalah seperti *soil nailing* dan *grouting*. *Soil Nail* berfungsi sebagai medium pengukuhan tanah. Ia akan dipakukan dengan mesin gerudi ke dalam tanah. Kemudian akan dimasukkan besi dan diisi dengan *grout* (*grout* adalah campuran simen, air dan pasir tanpa batu, kalau ada batu dipanggil konkrit) untuk mengisi ruang antara besi dan simen.

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI AHAD, 22 OGOS 2021**

YB TUAN NG YAK HOWE (BENTAYAN)
SOALAN 36 (A58)

Berapakah jumlah kes positif Covid-19 yang dilaporkan bagi individu yang telah menerima suntikan vaksin dos 1 atau dos 2 mengikut setiap daerah?

JAWAPAN YB TUAN VIDYANANTHAN A/L RAMANADHAN

1. Pelaksanaan Program Immunisasi Covid-19 Kebangsaan (PICK) dijangka akan dapat mengurangkan penularan kes di Johor. Daripada analisa 27,138 kes COVID-19 yang dilaporkan pada bulan Julai sehingga 7 Ogos 2021, sebanyak 24,715 (91.1%) kes tidak divaksinasi lagi, sementara 1,315 (4.8%) hanya mengambil 1 dos dan seramai 1,108 (4.1%) kes telah lengkap dos kedua.

PECAHAN MENGIKUT DAERAH

DAERAH	DOS PERTAMA	DOS KEDUA
BATU PAHAT	168	111
JOHOR BAHRU	523	340
KLUANG	5	8
KOTA TINGGI	37	41
KULAI	77	41
MERSING	20	12
MUAR	286	239
PONTIAN	74	52
SEGAMAT	115	36
TANGKAK	185	60
JUMLAH	1490	940

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI AHAD, 22 OGOS 2021**

YB PUAN HAJAH NOR HAYATI BINTI BACHOK (MAHARANI)
SOALAN 37 (A210)

Sila nyatakan statistik terkini keganasan terhadap wanita di negeri Johor termasuk keganasan rumah tangga, jenayah seksual, gangguan seksual, bilangan mangsa yang mendapatkan perlindungan di rumah perlindungan serta tindakan kerajaan negeri bagi memastikan perlindungan berterusan kepada wanita kesan pandemik COVID-19.

JAWAPAN YB PUAN ZAITON BINTI ISMAIL

Kerajaan Negeri melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) Negeri Johor telah mengambil tindakan menyantuni kes-kes keganasan terhadap wanita di negeri Johor khususnya melibatkan keganasan rumah tangga dan telah memberi khidmat nasihat dan tindakan mengikut peruntukan di bawah Akta Keganasan Rumahtangga 1994 (Akta 521).

Dalam tahun 2021, mulai bulan Januari sehingga bulan Julai, sebanyak 50 kes keganasan rumah tangga diuruskan oleh JKM di seluruh Negeri Johor iaitu seramai 45 kes melibatkan mangsa wanita dan 5 kes mangsa lelaki. Di antara jenis keganasan yang tertinggi dilakukan adalah jenis sengaja atau cuba meletakkan mangsa dalam keadaan ketakutan kecederaan fizikal sebanyak 25 kes, kedua pula jenis menyebabkan kecederaan atau mencederakan mangsa secara fizikal sebanyak 20 kes manakala jenis penderaan psikologi dan emosi sebanyak 5 kes.

Dalam pengurusan kes-kes mangsa keganasan rumahtangga, JKM telah mengambil tindakan mengikut peruntukan Akta Keganasan Rumahtangga 1994 (Akta 521) iaitu antara tindakan yang telah diambil adalah tindakan advokasi atau khidmat nasihat kepada seramai 43 orang mangsa keganasan, seramai 4 orang mangsa dibantu mendapatkan perintah perlindungan sementara, seorang diuruskan mendapatkan perintah perlindungan dan seramai 2 orang lagi diberi khidmat kauseling oleh Pegawai Psikologi JKM . Keseluruhan mangsa keganasan rumahtangga berkeyakinan memilih untuk menetap kekal bersama keluarga sendiri atau ahli keluarga dan satu kes ditempatkan di Tempat Selamat Dibawah Akta Keganasan Rumahtangga 1994.

Data kes keganasan mengikut daerah, Negeri Johor bagi tahun 2021 (Hingga Bulan Julai)

BIL	DAERAH	BILANGAN KES	JUMLAH MANGSA
1	Johor Bahru	26	26
2	Muar	1	1
3	Segamat	9	9
4	Batu Pahat	8	8
5	Mersing	0	0
6	Pontian	0	0
7	Kluang	0	0
8	Kulai	4	4
9	Tangkak	0	0
10	Kota Tinggi	2	2
JUMLAH		50	50

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI AHAD, 22 OGOS 2021**

Data kes mengikut jenis keganasan bagi tahun 2021 (Hingga Bulan Julai)

BIL	JENIS KEGANASAN	JUMLAH
1	Sengaja atau cuba meletakkan mangsa dalam keadaan ketakutan kecederaan fizikal	25
2	Penderaan psikologi dan emosi	5
3	Mengaibkan kehormatan mangsa	0
4	Memaksa atau mengancam untuk melakukan perbuatan berbentuk seksual	0
5	Menyebabkan kecederaan atau mencederakan mangsa secara fizikal	20
6	Mengurung atau menahan mangsa tanpa kerelaan mangsa	0
	Jumlah	50

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI AHAD, 22 OGOS 2021**

YB TUAN HAJI AMINOLHUDA BIN HAJI HASSAN (PARIT YAANI)

SOALAN 38 (A184)

Berapa ramai penerima vaksin di negeri Johor yang meninggal dunia disebabkan vaksin?

JAWAPAN YB TUAN VIDYANANTHAN A/L RAMANADHAN

Laporan penyiasatan bagi setiap kes yang meninggal dunia telah dilaksanakan secara terperinci dan didapati tiada kes yang meninggal dunia disebabkan oleh vaksin.

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI AHAD, 22 OGOS 2021**

YB PUAN HAJAH ALWIYAH BINTI TALIB (ENDAU)

SOALAN 39 (A2)

Adakah kerajaan bersedia untuk membenarkan aktiviti memancing dan bot sewa sepanjang tempoh Fasa Pemulihan Negara memandangkan pendapatan pengusaha bot sangat terjejas?.

JAWAPAN YAB MENTERI BESAR

Untuk makluman **Yang Berhormat Endau**, bagi mengawal penularan wabak COVID-19, kerajaan telah mengeluarkan prosedur operasi standard (SOP) dan protokol yang perlu dipatuhi bagi semua sektor, termasuk sektor perikanan.

Syarat Pelan Pemulihan Negara (PPN) Fasa Pertama tidak seketat seperti sebelum ini, dan aktiviti memancing dibenarkan bagi tujuan sara hidup. Walau bagaimanapun, bagi aktiviti memancing dan sewaan bot untuk tujuan selain dari itu masih tidak dibenarkan.

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI AHAD, 22 OGOS 2021**

YB TUAN SR. DZULKEFLY BIN AHMAD (KOTA ISKANDAR)
SOALAN 40 (A96)

Program Imunisasi Industri Covid-19 Kerjasama Awam-Swasta (PIKAS) bermula dari Julai hingga September 2021 bertujuan untuk mencapai Imuniti Kelompok dalam Sektor Pembuatan/Industri. Dilaporkan MITI menyediakan 2 juta dos vaksin untuk maksud tersebut. Apakah perkembangan PIKAS di Negeri Johor setakat ini?

JAWAPAN YAB MENTERI BESAR

Untuk makluman **Yang Berhormat Kota Iskandar**, pelaksanaan PIKAS setakat hari ini masih berada pada tahap yang baik.

Beberapa Pusat Pemberian Vaksin Industri (PPVIN) telah dirancang dengan kerjasama daripada pelbagai kementerian di negeri Johor, termasuk Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI), Kementerian Pengangkutan (MOT), Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) dan sebagainya.

Sehingga kini, PPV Industri Pengerang telah pun selesai memberi suntikan kepada 5,882 pekerjanya.

Beberapa PPV Industri masih lagi di dalam proses pemberian vaksin seperti di Austin International Convention Centre, Johor Bahru, Leong Hup International dan ST Microelectronic di daerah Tangkak.

Terdapat beberapa PPVIN lagi yang akan dibuka dalam masa terdekat ini.

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI AHAD, 22 OGOS 2021**

YB TUAN JIMMY PUAH WEE TSE (BUKIT BATU)
SOALAN 41 (A29)

Apakah halangan utama yang menyekat sekian lama Johor tidak mampu mara ke fasa 2 atau seterusnya PPN?

JAWAPAN YAB MENTERI BESAR

Untuk makluman **Yang Berhormat Bukit Batu**, Pelan Pemulihan Negara (PPN) yang diumumkan oleh YAB Perdana Menteri pada 15 Jun yang lalu, merupakan satu strategi peralihan keluar (*exit plan*) secara berfasa dari kemelut pandemik COVID-19.

Sidang Khas Majlis Keselamatan Negeri (MKN): Pengurusan Covid-19 telah bersetuju menggunakan 3 indikator bagi peralihan fasa 2 PPN, iaitu:

1. Kadar purata kes harian dibawah 463 kes (Negeri Johor) bagi tempoh 7 hari;
2. Kadar penggunaan katil ICU dibawah 70%; dan
3. Kadar suntikan vaksin dos 2 telah melebihi 10% daripada populasi 18 tahun dan ke atas.

Untuk makluman **Yang Berhormat Bukit Batu**, juga menerusi kenyataan media Yang Berhormat Menteri Kewangan merangkap Menteri Penyelaras Pelan Pemulihan Negara pada 7 Ogos 2021 yang dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri, YAB, Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin Yassin telah memutuskan untuk menggunakan indikator baharu, iaitu:

Pertama, bilangan kes kemasukan ke hospital baharu yang bergejala sebagai salah satu daripada indikator peralihan fasa PPN, di mana penanda aras bagi kes bergejala adalah berdasarkan jumlah kes dalam kategori 3, 4 dan 5.

Capaian nilai ambang yang ditetapkan bagi bilangan kes bergejala untuk peralihan Fasa 1 ke Fasa 2 ialah 2,000 kes (6.1 kes per 100,000 penduduk), manakala Fasa 2 ke Fasa 3 ialah 1,000 kes (3.0 kes per 100,000) dan Fasa 3 ke Fasa 4 pula 400 kes (1.3 kes per 100,000 penduduk).

Kedua, MKN juga telah memutuskan bahawa indikator tersebut hanya akan menggantikan indikator sedia ada, iaitu berdasarkan bilangan kes harian baharu. Penggantian indikator itu hanya digunakan apabila vaksinasi sesebuah negeri dalam Fasa 1 mencapai sekurang-kurangnya 50 peratus penduduk dewasa.

Kerajaan telah menekankan bahawa PPN perlu bersifat dinamik, di mana semua pendekatan yang diambil adalah berdasarkan data dan sains, termasuk penetapan indikator dan nilai ambang untuk peralihan fasa.

Dalam penilaian untuk peralihan daripada satu fasa kepada fasa selanjutnya, ketiga-tiga indikator tersebut perlu dipenuhi bagi membolehkan sesebuah negeri itu untuk beralih ke fasa seterusnya. Walau bagaimanapun pada mas aini, negeri Johor hanya melepasi indikator ketiga.

Kebelakangan ini, terdapat peningkatan kes yang dilaporkan di negeri Johor. Beberapa faktor penyebab peningkatan kes semasa telah dikenalpasti. Faktor utama yang dikenalpasti adalah:

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI AHAD, 22 OGOS 2021**

- a) Penularan di kalangan sektor perkilangan, terutamanya di kalangan pekerja yang tinggal di asrama pekerja.
- b) Peningkatan bilangan ujian COVID-19 turut menyumbang kepada peningkatan kes positif yang dikesan terutamanya di kalangan pekerja industri.
- c) Kejadian kes COVID-19 yang berkait rapat dengan aktiviti sosial terutamanya pada musim perayaan atau upacara kematian. Ini masih menggambarkan sikap masyarakat yang komplacen terhadap langkah-langkah pencegahan penularan menyumbang secara terus kepada peningkatan.

Setiap individu mempunyai peranan untuk memastikan penurunan kes COVID-19, termasuk patuh kepada SOP seperti memakai pelitup muka, kerap membasuh tangan, mengamalkan penjarakan sosial dan fizikal, di samping mengelakkan dari berkumpul di tempat-tempat awam.

Tindakan ini adalah antara langkah yang boleh dilakukan untuk mengurangkan kebarangkalian dijangkiti COVID-19 dan membolehkan negeri Johor untuk beralih ke fasa seterusnya.

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI AHAD, 22 OGOS 2021**

YB DATUK MD OTHMAN BIN YUSOF (KUKUP)
SOALAN 42 (A125)

Banyak kedengaran kemasukan PATI ke negara kita dan kebanyakannya melalui jalan laut. Apakah tindakan kerajaan untuk mengetatkan kawalan di sepanjang pantai negeri Johor supaya dapat membendung kemasukan mereka yang dikhuatiri akan menambahkan lagi masalah Covid 19 di negeri kita.

JAWAPAN YAB MENTERI BESAR

Untuk makluman **Yang Berhormat Kukup**, Kerajaan juga telah mewujudkan *National Task Force* (NTF) dan diberi mandat untuk mengkoordinasikan dan memperkasakan kawalan operasi persempadanan negara melalui pelaksanaan OPERASI BENTENG (Op Benteng) pada 6 Mei 2020.

ATM telah diberi mandat untuk menyelaras Op Benteng ini bersama-sama agensi-agensi penguatkuasaan yang lain iaitu PDRM, APMM, KKM, JIM, APM dan RELA. Pada masa yang sama, Op Benteng juga melibatkan bantuan dan aturgerak agensi lain iaitu KDRM, Pihak Berkuasa Penerbangan Awam Malaysia (CAAM), PERHILITAN, PERHUTANAN, JLM, AADK dan Jabatan Perikanan Malaysia.

Tujuan pelaksanaan Op Benteng adalah untuk memperkukuh dan memperkasa kawalan sempadan negara dari kemasukan PATI bagi mengekang penularan wabak COVID-19 dan operasi ini berkonsepkan aturgerak angkatan secara bersepadu.

Perlaksanaan Op Benteng di Negeri Johor telah diperkukuhkan dengan adanya kawalan di beberapa lokasi (pos) sepanjang Pantai Barat dan Timur. Secara terperinci, terdapat 7 pos yang diduduki oleh ATM dari Pasukan Tentera Darat dan 22 pos diduduki oleh PDRM dari pasukan Gerakan AM (PGA).

Selain dari pos-pos operasi, Op Benteng juga telah mengadakan Sekatan Jalan Raya (SJR) secara statik di 8 lokasi dan rondaan secara rawak dikawasan-kawasan yang disyaki menjadi tempat perlindungan PATI.

Antara kejayaan Op Benteng di Negeri Johor sepanjang tempoh operasi ini dikuatkuasakan adalah sejumlah 1,954 tangkapan telah dibuat di bawah berbagai seksyen dan akta serta jumlah nilai rampasan sebanyak RM 54,274,532.21.